

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI SELANGOR

SPESIFIKASI KERJA

SEBUTHARGA UNTUK KERJA-KERJA PEMBANGUNAN DAN MENAIKTARAF SISTEM GIS (JPSSSELGIS) SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI JPS NEGERI SELANGOR

1. OBJEKTIF

Sebutharga ini adalah bertujuan untuk mempelawa penyebutharga yang berkeelayakan untuk membangunkan dan menjalankan kerja-kerja naiktaraf Sistem GIS (JPSSSELGIS) dengan merancang, merekabentuk dan menguji jalan aplikasi web GIS serta kerja-kerja berkaitan untuk Bahagian Pengurusan Maklumat dan GIS, JPS Negeri Selangor.

2. LATAR BELAKANG

JPS Selangor telah melaksanakan projek *enterprise web* GIS berkonsepkan portal (JPSSSEL-GIS) bagi memperluaskan kemampuan GIS dan mempromosikan perkongsian data di antara JPS daerah lain. Pelbagai aplikasi GIS telah dibangunkan dengan kerjasama pihak perunding seperti Informasi Sungai, Maklumat Banjir, Pencarian Lot, Rancangan Tebatan Banjir dan sebagainya. Platform ini telah banyak membantu pihak JPS Selangor dalam membuat persiapan menghadapi bencana alam seperti banjir kilat. Melalui Sistem Enterprise GIS ini pihak JPS Selangor dapat menyediakan pelan pengurusan bencana menggunakan data GIS daripada pelbagai agensi yang boleh diakses melalui capaian web. Kebolehan sistem ini dilihat seiring dengan matlamat JPS Selangor dalam pengurusan bencana.

Sehingga kini, data GIS milik JPS telah bertambah secara mendadak melalui perkongsian dan juga kolaborasi antara agensi terlibat. Data-data ini perlu diuruskan dengan baik bagi membolehkan perkongsian dibuat dengan pejabat daerah di negeri

Selangor. Kolaborasi antara Ibu Pejabat JPS Negeri selangor dan pejabat daerah ini perlu dijalankan secara dua hala.

Oleh itu, satu sistem aplikasi web perlu dibangunkan bagi mengurus data data tersebut selain bertindak sebagai Inventori Data Spatial. Di samping skop kerja utama tersebut, terdapat juga pecahan skop lain yang perlu dipertimbangan oleh pihak penyebutharga memandangkan platform JPSSSELGIS ini adalah merupakan platform utama (live) yang telah diintegrasikan dengan sistem sedia ada lain seperti e-Saliran. Penyebutharga hendaklah memastikan semua sistem sedia ada berada dalam keadaan baik semasa proses pembangunan projek ini dijalankan

3. SKOP KERJA

Skop kerja bagi pelaksanaan projek ini adalah seperti berikut:

- a) Skop kerja melibatkan kerja-kerja untuk projek pembangunan dan menaiktaraf Sistem Enterprise GIS (JPSSSELGIS) dengan merancang, mereka bentuk aplikasi web GIS dan menguji jalan serta kerja-kerja berkaitan di JPS Negeri Selangor seperti di **Jadual 1 – Jadual Spesifikasi**.
- b) Keperluan pelaksanaan projek adalah seperti berikut:
 - i) Keperluan spesifikasi teknikal yang perlu dipenuhi adalah seperti di **Jadual 1: Jadual Spesifikasi**.
 - ii) Tempoh pelaksanaan projek adalah **lima (5) bulan** bermula daripada Surat Setuju Terima ditandatangani. Manakala, tempoh jaminan adalah **satu (1) tahun** selepas tamat tempoh **pelaksanaan projek**.
 - iii) Penyebutharga hendaklah memastikan projek dilaksanakan mengikut tempoh yang telah ditetapkan oleh JPS Negeri Selangor. Sebarang kelewatan hendaklah dimaklumkan secara bertulis kepada pihak JPS Negeri Selangor dengan penjelasan yang sewajarnya.
 - iv) Penyebutharga dikehendaki menyediakan **Cadangan Teknikal (Technical Proposal)** yang komprehensif dengan mengemukakan perkara berikut:

- Penyebut harga perlu menyediakan secara terperinci pelaksanaan/strategi pembangunan projek pembangunan dan menaiktaraf sistem ini
- Jadual pelaksanaan jangkaan (*estimation*) bagi tujuan keseluruhan pelaksanaan projek
- Maklumat mengenai pengurus projek, pasukan kualiti dan senarai pasukan kerja teknikal dan yang terlibat bersama Resume, sijil atau pengalaman berkaitan untuk melaksanakan projek ini.
- Maklumat penyediaan perkhidmatan *helpdesk*, *telephone* and *online support* dan tempoh maklumbalas (*response time*) bagi khidmat sokongan.
- Penyebut harga perlu menyediakan pelan pengujian keseluruhan bagi memastikan semua system sedia ada dan system yang telah diintegrasikan berfungsi dengan baik.
- Penyebut harga mestilah mempunyai pengalaman dalam pembangunan aplikasi GIS seperti aplikasi Proses permohonan dan aplikasi pengurusan lot.

4. BIDANG KERJA YANG DITETAPKAN

Pelaksanaan projek ini adalah merangkumi bidang kerja berikut:

- i) Mengkaji keperluan spesifikasi pengguna dan spesifikasi sistem (*User Requirement*).
- ii) Mereka bentuk sistem mengikut keperluan pengguna yang telah dikenalpasti (*System Design*).
- iii) Membangun sistem mengikut kehendak pengguna dan menggunakan teknologi yang bersesuaian dan mesra pengguna.
- iv) Memastikan sistem yang dibangunkan diintegrasikan dengan sistem sedia ada dan berjalan dengan baik.
- v) Menguji sistem yang telah siap dibangunkan, serta sistem yang telah diintegrasikan dengan menjalankan Ujian Penerimaan Pengguna (*User Acceptance Test*) mengikut prosedur.
- vi) Menyediakan perkakasan storan berpusat yang secukupnya pada server yang berkaitan (*additional server hardisk*).

- vii) Melatih pengguna sistem untuk menggunakan modul-modul di dalam sistem dan menyediakan dokumen manual sebagai bantuan tambahan kepada pengguna.
- viii) Memastikan sistem diselenggara dengan baik sepanjang tempoh jaminan.
- ix) Membaiki sebarang ralat yang berlaku dalam tempoh jaminan tanpa kos tambahan.
- x) Menyediakan khidmat sokongan berterusan bagi sebarang kegagalan terhadap sistem.

5. KEPERLUAN SPESIFIKASI

Keperluan spesifikasi adalah seperti yang termaktub di dalam **Jadual 1 – Jadual Spesifikasi** di dalam dokumen ini.

6. KEPERLUAN PENYELENGGARAAN

Penyebutharga hendaklah menyediakan perkhidmatan berikut kepada JPS Negeri Selangor:

- i) Penyelenggaraan percuma selama satu (1) tahun selepas *handing over* projek.
- ii) Perkhidmatan *helpdesk* menerusi emel dan menerusi telefon dengan segera dan penyelenggaraan secara *On-Site/ Remote Next Business Day*.
- iii) Perkhidmatan sokongan secara komprehensif ke atas sistem.
- iv) Menyediakan penyelenggaraan pembetulan (*corrective maintenance*) berdasarkan aduan.
- v) Melaksanakan perkhidmatan penyelenggaraan pencegahan dan latihan mengikut keperluan di bawah:

No.	Skop	Catatan
1.	Penyelenggaraan sistem	Sepanjang tempoh jaminan (1 tahun)
2.	Latihan (Hands on Training)	i) Pentadbir Sistem ii) Pengguna (Unit GIS dan Penyelaras GIS Bhgn & Daerah

7. LAIN-LAIN

Pihak JPS Negeri Selangor tidak akan tertakluk kepada kandungan kontrak yang disediakan dan boleh meminda mana-mana dokumen yang tidak akan memberikan kepentingan kepada JPS Negeri Selangor.

**SEBUTHARGA UNTUK KERJA_KERJA PEMBANGUNAN DAN MENAIKTARAF
SISTEM GIS (JPSSSELGIS) SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI JPS NEGERI
SELANGOR**

JADUAL 1: JADUAL SPESIFIKASI

BIL	KEPERLUAN SPESIFIKASI	PEMATUHAN (Y/T)
1.0	PEMBANGUNAN APLIKASI WEB GIS MODULE 1: MyBasemap	
	<p>Mybasemap adalah merupakan aplikasi web yang memaparkan data sedia ada, data kolaborasi serta hasil analisis yang terdapat dalam repositori data JPS Selangor. Objektif utama aplikasi web adalah untuk membekalkan informasi terkini yang diperlukan oleh pengguna dalaman JPS Selangor yang meliputi pengguna dari pelbagai daerah. Modul ini juga berupaya membantu pihak JPS Selangor dalam penyediaan pengurusan bencana. Pembangunan aplikasi ini perlulah dibuat dengan mengambil kira kriteria yang telah ditetapkan seperti dibawah:</p> <ul style="list-style-type: none">• Akses aplikasi melalui <i>browser</i> dan boleh dicapai melalui pekakasan <i>desktop</i> atau <i>mobile</i>• Aplikasi ini perlu dibina dalam portal GIS sedia ada.• Mempunyai <i>Ready-To-Use Content</i> seperti <i>Imagery Basemap</i>• Mempunyai ciri kolaborasi bagi membolehkan perkongsian data dengan agensi terlibat	

BIL	KEPERLUAN SPESIFIKASI	PEMATUHAN (Y/T)
1.1	Persediaan Pembangunan Aplikasi	
1.1.1	Kajian Pengguna Kehendak Pengguna (URS)	
	a) Penyebutharga perlu menjalankan kajian ke atas arkitektur sistem sedia ada	
	b) Penyebutharga perlu menjalankan kajian ke atas aplikasi sedia ada dan juga aplikasi yang telah diintegrasikan	
	c) Penyebutharga perlu menjalankan kajian ke atas data model sedia ada serta mengkaji keberkesanannya ke atas aplikasi baru yang akan dibangunkan	
	d) Penyebutharga perlu menyediakan dokumen Kajian Keperluan Pengguna (<i>User Requirement Study</i>)	
1.1.2	Penyediaan Dokumen Reka Bentuk Sistem (<i>System Detail Design-SDD</i>)	
	a) Penyebutharga perlu menyediakan dokumen rekabentuk sistem yang mengandungi <i>solution, functionality, limitation dan</i> model data	
	b) Penyebutharga perlu menyediakan pelan arkitektur sistem baru	

BIL	KEPERLUAN SPESIFIKASI	PEMATUHAN (Y/T)
	c) Penyebutharga hendaklah menyediakan dokumen yang mengandungi penerangan lengkap beserta gambarajah aliran system berkaitan jika ada (Entity Relationship Diagram (ERD) dan Data Flow Diagram (DFD)) serta keseluruhan struktur pangkalan data (table, field dan <i>relation</i>).	
1.2	Pembangunan <i>Data Model Enterprise</i>	
	a) Penyebutharga perlu membangunkan <i>Data Model Dynamic</i> bagi aplikasi web dalam platform pangkalan data sedia ada.	
	b) Penyebutharga perlu menyediakan pelan konfigurasi dan migrasi data secara <i>one-off</i> ke dalam model yang dibina.	
1.3	Penyediaan Data GIS	
	a) Penyebutharga perlu menyediakan data terlibat bagi tujuan <i>publish</i> ke portal sedia ada termasuk perkhidmatan <i>filtering, editing, updating</i>	
	b) Penyebutharga perlu menetapkan simbologi mengikut spesifikasi JPS Selangor	
1.4	Pembangunan Aplikasi Web	

BIL	KEPERLUAN SPESIFIKASI	PEMATUHAN (Y/T)
	a) Penyebutharga hendaklah membangunkan sistem web-based yang mempunyai ciri-ciri responsive yang boleh dicapai melalui versi terkini browser Internet Explorer, Google Chrome, Safari dan Mozilla Firefox yang utama secara web dan mobile (telefon pintar - iOS dan Android).	
	b) Penyebut harga perlu memastikan web aplikasi dapat diakses dan oleh pengguna dr daerah yang akan membuat suntingan kepada data data GIS	
	c) Web aplikasi perlulah dilengkapi dengan keupayaan “log-in” bagi menjamin tahap keselamatan	
	d) Penyebut harga perlu membina process kerja yang sesuai bagi kerja kerja “ Filtering, Editing, Updating” oleh pengguna daerah.	
	e) Penyebut harga perlu membina lima (5) <i>sub-module</i> dalam web aplikasi bagi menyokong penggunaan web. Di antara <i>sub module</i> yang diperlukan ialah: <ul style="list-style-type: none"> • Suntingan pelbagai pengguna • Tiada konflik terhasil • Paparan data sedia ada 	

BIL	KEPERLUAN SPESIFIKASI	PEMATUHAN (Y/T)
	<ul style="list-style-type: none"> • Carian Data (Daerah, Mukim, Lot,) • Analisis “Nearby Feature” • Kemaskini pengguna • Paparan Historical data banjir • Perlu memaparkan data mengikut garis masa 	
	<p>f) Log Audit Sistem hendaklah berupaya untuk menyimpan semua log audit terperinci dari segi akses, perubahan data dan lain-lain.</p>	
	<p>g) Code Hardening Penyebutharga hendaklah memastikan kod aturcara yang dibangunkan menepati ciri-ciri keselamatan yang perlu ada di dalam sistem. Sila nyatakan pelaksanaan <i>code hardening</i> yang dicadangkan.</p>	
	<p>h) Jaminan Sistem Penyebutharga perlu menjalankan kerja jaya jalan dan memberi jaminan sistem dalam tempoh SATU (1) tahun SELEPAS tempoh 5 bulan penyiapan projek.</p>	
2.0	KEMASKINI APLIKASI WEB GIS MODULE 2: Aplikasi Web Lot Locator	

BIL	KEPERLUAN SPESIFIKASI	PEMATUHAN (Y/T)
	<p>Lot Locator adalah merupakan sebuah aplikasi web GIS sedia ada yang membolehkan pengguna membuat carian dan kemaskini lot dengan maklumat tambahan yang diperlukan oleh JPS. Aplikasi ini telah diintegrasikan dengan aplikasi non-GIS sedia ada iaitu e-Saliran.</p>	
2.1	<p>Kemaskini <i>Data Model</i> Sedia Ada Bagi Menyimpan Data Lot Kadastral</p>	
	<p>a) Penyebut harga perlu menjalankan proses <i>loading data Lot Cadstral</i> ke dalam <i>data model</i> sedia ada secara <i>one-off</i></p>	
	<p>b) Penyebut harga perlu memastikan maklumat sedia ada dibawa bersama dan kekal bersama Lot Cadstral</p>	
	<p>c) Penyebut harga perlu menjalankan konfigurasi seperti berikut</p> <ul style="list-style-type: none"> • User role & Permission • Application, access & permission 	
2.2	<p>Integrasi Dengan Sistem Sedia Ada e-Saliran</p>	
	<p>a) Penyebut harga perlu memastikan integrasi dengan sistem e-Saliran berjalan dengan lancar.</p>	

BIL	KEPERLUAN SPESIFIKASI	PEMATUHAN (Y/T)
	b) Penyebutharga perlu memastikan aplikasi Lot Cadastral ini dapat dipaparkan dalam proses kerja e-Saliran	
	c) Penyebut harga perlu meminimalkan gangguan pada sistem e-Saliran (<i>live system</i>) semasa proses pembangunan dijalankan	
3.0	MEMBEKALKAN PERKAKASAN STORAN BERPUSAT (Additional Server Hardisk)	
	a) Penyebut harga perlu membekalkan satu (1) unit <i>hardisk</i> untuk <i>server</i> Dell R630 dengan kapasiti penyimpanan sebanyak 1 TB	
	b) Penyebutharga perlu menjalankan proses instalasi dan konfigurasi <i>hardisk</i> tersebut ke atas <i>server</i> sedia ada di bilik <i>server</i> BICT JPS Selangor	
	c) Penyebutharga perlu membuat proses migrasi <i>one-off</i> ke atas data data imej raster yang sedia ada untuk disimpan ke dalam <i>hardisk</i> tersebut	
	d) Penyebutharga perlu membuat kemaskini (<i>directory path</i>) bagi semua <i>map service</i> , <i>web application</i> , <i>map document</i> sedia ada yang masih merujuk kepada <i>hardisk</i> lama selepas proses migrasi selesai	

BIL	KEPERLUAN SPESIFIKASI	PEMATUHAN (Y/T)
	e) Penyebutharga perlu membuat pengujian ke atas semua aplikasi web terlibat selepas proses kemaskini <i>directory path</i> dijalankan	
	f) Penyebutharga perlu memastikan semua aplikasi berkaitan berjalan dengan lancar selepas proses kemaskini <i>directory path</i> dijalankan.	
	g) Sila nyatakan spesifikasi perkakasan yang akan dibekalkan dalam bentuk jadual. Sila nyatakan maklumat seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> • Nama Produk • Versi • Model • Spesifikasi Lain-lain (jika ada) • Tempoh Jaminan (Sekurang-kurangnya 1 Tahun) 	
4.0	PENGUJIAN SISTEM	
	a) Penyebutharga perlu mengadakan sesi Ujian Penerimaan Pengguna (UAT) terhadap sistem yang telah siap dibangunkan, serta sistem yang telah diintegrasikan dan	

BIL	KEPERLUAN SPESIFIKASI	PEMATUHAN (Y/T)
	mengadakan Ujian Penerimaan Pengguna mengikut prosedur (<i>User Acceptance Test</i>).	
	b) Penyebutharga perlu menyediakan " <i>Test Script</i> " bagi sesi tersebut	
	c) Penyebutharga perlu mengadakan Ujian Penerimaan Akhir (FAT) dan menyediakan laporan akhir sesi ujian penerimaan pengguna beserta ulasan daripada penguji.	
	d) Penyebutharga hendaklah melaksanakan pengujian keseluruhan fungsi di dalam sistem bagi memastikan ia mengikut aliran kerja sebenar.	
	e) Penyebutharga hendaklah melaksanakan pembedulan dan penambahbaikan terhadap semua ralat yang dikesan semasa pengujian-pengujian UAT di atas TANPA sebarang kos tambahan.	
5.0	PEMASANGAN SISTEM	
	a) Penyebutharga hendaklah melaksanakan pemasangan sistem ke atas server yang akan disediakan dan dihostkan di Bilik Server BICT JPS Selangor	

BIL	KEPERLUAN SPESIFIKASI	PEMATUHAN (Y/T)
	b) Lain-lain cadangan, sila nyatakan (jika ada)	
6.0	LATIHAN (ON-THE-JOB)	
	<p>a) Penyebutharga hendaklah memberikan latihan yang komprehensif kepada pengguna yang menggunakan sistem. Pengguna terdiri daripada:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pentadbir Sistem (IT) • Pengguna (Unit GIS, Penyelaras GIS Daerah dan Bahagian) 	
	<p>b) Penyebutharga hendaklah menyediakan latihan teknikal (<i>Transfer of Technology</i>) kepada pentadbir sistem dalam menguruskan isu-isu teknikal sistem dan konfigurasi sistem/server yang berkaitan. Penyebutharga hendaklah menyenarai kesemua fail dan modul yang terdapat di dalam program sistem dan server untuk tujuan ToT tersebut. Penyebutharga juga hendaklah menyediakan latihan basic to intermediate programming yang digunakan dalam pembangunan sistem gis ini kepada pentadbir ICT. Penyebutharga juga hendaklah menyediakan 'Transfer</p>	

BIL	KEPERLUAN SPESIFIKASI	PEMATUHAN (Y/T)
	<p>Of Technology' (TOT) yang diterjemahkan ke dalam bentuk dokumen dan software (pendrive) berkaitan seperti dibawah untuk 2 set:-</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Operation and Manual' (O&M) 2. Program file 	
	<p>a) Penyebutharga hendaklah menyediakan manual latihan kepada pengguna yang megandung arahan "step by step" beserta rajah berkaitan.</p>	
	<p>b) Penyebutharga perlu memberikan senarai topik latihan berkaitan beserta penjelasan umum berkaitan topik berkenaan, perlu juga dinyatakan jika terdapat sebarang "pre-requisite" yang perlu dipenuhi peserta sebelum latihan dijalankan.</p>	
	<p>c) Penyebutharga perlu memberikan latihan mengikut aliran kerja sebenar (Daily Rountine)</p>	
7.0	PENGURUSAN PROJEK	

BIL	KEPERLUAN SPESIFIKASI	PEMATUHAN (Y/T)
	<p>a) Struktur Organisasi Projek Penyebutharga perlu mencadangkan pasukan projek mereka sendiri serta mengenalpasti, melantik dan mengesahkan keahlian pasukan yang dicadangkan supaya dapat bekerja dengan pasukan pelaksanaan projek Pejabat JPS Negeri Selangor (Hanya perlu menyatakan jawatan tanpa menyatakan nama pegawai dan syarikat)</p>	
	<p>b) Jadual Pelaksanaan Projek Penyebutharga hendaklah menyediakan Jadual Pelaksanaan Projek (<i>Gantt Chart</i>) menggunakan perisian <i>Microsoft Office</i> atau perisian setara</p>	
	<p>c) Tempoh Jangka Siap Sistem Penyebutharga hendaklah menepati tempoh penyempurnaan dan jangka siap sistem ini iaitu tidak melebihi lima (5) bulan.</p>	
	<p>d) Harta Intelektual</p> <ul style="list-style-type: none"> • Semua sistem/peralatan/perisian/perkhidmatan yang dilaksanakan akan menjadi JPS NEGERI SELANGOR • Semua dokumentasi adalah menjadi JPS NEGERI SELANGOR Sebarang penyalinan perlu mendapat kelulusan daripada JPS Negeri Selangor. 	

BIL	KEPERLUAN SPESIFIKASI	PEMATUHAN (Y/T)
	<ul style="list-style-type: none"> • Semua kod sumber (<i>source code</i>) adalah hakmilik sepenuhnya JPS Negeri Selangor dan wajib diserahkan dalam bentuk <i>softcopy</i> (external hardisk) kepada JPS Negeri Selangor apabila projek telah siap. Sebarang penyalinan, pemindahan dan pengedaran dengan apa jua sekalipun untuk tujuan komersil adalah <u>TIDAK DIBENARKAN SAMA SEKALI</u> kecuali mendapat kebenaran daripada JPS Negeri Selangor • Pengujian bersama JPS Selangor semasa penyerahan source code 	
8.0	DOKUMENTASI DAN MANUAL	
	<p>Penyebutharga hendaklah menyediakan satu salinan manual penggunaan secara <i>hardcopy</i> dan <i>softcopy</i> kepada pengguna dan pentadbir sistem BICT.</p>	
	<p>Penyebutharga hendaklah menyediakan dokumentasi lengkap bagi projek ini pada hari akhir serahan projek. Antaranya:</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>User Requirement Study (URS)</i> • <i>System Detail Design (SDD)</i> • <i>User Acceptance Test (UAT)</i> 	

BIL	KEPERLUAN SPESIFIKASI	PEMATUHAN (Y/T)
	<ul style="list-style-type: none"> <i>Final Acceptance Test (FAT)</i> 	
9.0	PENYERAHAN PROJEK	
	Penyebutharga perlu menyempurnakan penyerahan projek sistem ini kepada JPS Negeri Selangor	
10.0	LAIN-LAIN CADANGAN (JIKA ADA) Sila nyatakan lain-lain cadangan yang berkaitan, sekiranya ada.	

LAMPIRAN 1


DATA GEOSPATIAL YANG TERDAPAT DI JPS NEGERI S

- **PENGAIRAN DAN SALIRAN**
 - Pengairan
 - Saliran
- **KUARTERS**
- **KAWASAN BANJIR**
- **INVENTORI KOLAM MSMA**
- **INVENTORI PARIT**
- **PINTU KAWALAN AIR**
 - TCG
 - Kunci Air
 - Ibu Bekalan
 - Muka Sauk
- **STESEN – STESEN**
 - IFFRM
 - RHN
 - SIREN
 - TELEMETRY
 - RUMAH PAM
- **SEMPADAN**
 - Daerah
 - Mukim
 - Dun
 - Lot Tanah
 - Parliment
 - PBT
- S
- P



LAMPIRAN 2

SISTEM GIS SEDIA (<https://jpsselgis.selangor.gov.my/portal/home/>)



Home Gallery Map Scene Groups

JPSSel GIS

Pusat Data GIS JPS Negeri Selangor

Satu Negeri Satu Sungai

Selangor Lot Locator

Informasi Sungai

Banjir 201...

Selamat Datang ke Pusat Data GIS

Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor


Ke arah mewujudkan sumber maklumat "Geo-Spatial" JPS Negeri Selangor sebagai "Tools Decision Making".

JPSSelGIS adalah satu platform data yang lebih seragam, komprehensif dan kompeten bagi aktiviti pemantauan, operasi, kawalan, dan pembangunan dalam pengurusan fungsi utama jabatan.

LAMPIRAN 3


SISTEM GIS SEDIA (<http://esaliran-jps.selangor.gov.my/>)

esaliran-jps.selangor.gov.my

 **SISTEM PERMOHONAN PEMBANGUNAN TANAH (e-SALIRAN)**

+603 5544 7376 webmaster@waterselangor.gov.my

Home About Contact



e-SALIRAN
SISTEM PERMOHONAN PEMBANGUNAN TANAH
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI SELANGOR

Sistem E-Saliran

Sistem E-Saliran adalah singkatan dari maksud Sistem Perumahan Pembangunan Tanah Saliran Mesra Alam. Ianya akan memudahkan Bahagian Saliran Mesra Alam (BSMA) diperingkat Jbntn dan JPS Daerah dalam membuat pemantauan secara elektronik status proses permohonan pembangunan tanah yang dihantar oleh pemaju untuk ulasan teknikal.

Sistem ini digunakan untuk menjejak (track) perjalanan setiap permohonan dari tarikh diterima sehinggalah tarikh permohonan di jawab.

Bahagian Saliran Mesra Alam

1. Ditubuhkan sebagai unit sokongan bagi memberi ulasan teknikal kepada agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan, juruperunding, pemaju hartanah dan persendirian mengenai isu-isu berkaitan dengan bidang saliran bandar.
2. Selepas Manual Saliran Mesra Alam dilancarkan pada tahun 2001, unit ini memastikan pelaksanaan Pengurusan Air Ribut (Stormwater management) dalam pembangunan perumahan / perindustrian. Pada tahun 2012, Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) telah dikemaskini dan dikenali sebagai MSMA Edisi kedua.
3. Pada tahun 2009, unit ini telah mendapatkan jawatan J44, dan unit ini bertanggungjawab kepada Bahagian.
4. Mengurus air ribut (Stormwater) secara bersepadu berkonsepkan mesra alam sekitar dan peningkatan kualiti hidup.